

TARIKH: 5/7/23
SURAT KHABAR: Kosmo
MUKA SURAT: 4

Pelaksanaan gaji minimum RM1,500, inflasi berisiko naik

PUTRAJAYA – Pelaksanaan gaji minimum sebanyak RM1,500 melibatkan majikan mempunyai kurang lima pekerja yang berkuat kuasa 1 Julai lalu berisiko kepada kenaikan inflasi.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, beliau menjangkakan kenaikan itu tidak ketara kerana ia berlaku dalam keadaan trend inflasi yang semakin mereda sejak sembilan bulan lalu.

"Risiko (kenaikan inflasi) memang ada tetapi saya ingat se-

masa kerajaan membuat keputusan itu sebenarnya mereka telah menjalankan unjuran.

"Jadi ia berlaku dalam keadaan trend inflasi semakin mereda dan ia turun selama sembilan bulan berturut-turut dan inflasi sekarang untuk Mei adalah 2.8 peratus ialah paling rendah," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Ekonomi semalam.

Katanya, apa yang penting kini adalah kenaikan inflasi da-

pat ditampung oleh kenaikan gaji yang setimpal dengan nilai kerja.

Rafizi berkata, apa yang berlaku sekarang ini adalah kenaikan gaji tidak dapat menanggung kenaikan harga barang.

"Sebab itu, kenaikan gaji minimum itu dapat menyeimbangkan kenaikan inflasi. Sebagai kerajaan, kita ada kenaikan gaji menerusi pelaksanaan gaji minimum," katanya.

Katanya, kerajaan juga akan berusaha mengimbangi risiko

kenaikan inflasi pada tahap lebih sihat iaitu sekitar dua peratus.

Pelaksanaan gaji minimum sebanyak RM1,500 melibatkan majikan yang mempunyai kurang lima pekerja mula berkuat kuasa 1 Julai lalu.

Penguatkuasaan di bawah Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 itu melibatkan semua sektor termasuk perladangan, pertanian dan pembuatan kecuali perkhidmatan domestik dan aparentis.

Berdasarkan keputusan yang diumumkan kerajaan sebelum ini, penguatkuasaan tersebut telah ditangguhkan selama enam bulan berbanding tarikh awal yang ditetapkan iaitu 1 Januari lalu.

Pelaksanaan gaji minimum baharu itu telah diluluskan kerajaan pada 19 Mac lalu dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan Jabatan Peguam Negara pada 27 April lalu.

Kosmo ms 4
5/7/23